

Akta Sara Ibu Bapa membenarkan ibu bapa yang lanjut usia mendapatkan penyaraan daripada anak-anak mereka

Siapa yang boleh memohon penyaraan?

Anda boleh memohon sekiranya anda:

- berusia 60 tahun atau lebih
- bermastautin dan penduduk Singapura
- tidak berupaya menyara diri anda sendiri dari segi kewangan

Anda juga boleh mendapatkan bantuan di...

Pejabat Khidmat Sosial (SSO)

Talian Hotline ComCare: 1800-222 0000

SSO ditubuhkan oleh Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF) untuk membawa bantuan sosial lebih dekat kepada penduduk yang memerlukan.

Pusat Perkhidmatan Keluarga (FSC)

Talian Hotline ComCare: 1800-222 0000

e-pencari FSC:

<http://app.msf.gov.sg/dfcs/familyservice/default.aspx>

FSC bertempat di dalam masyarakat untuk menyediakan perkhidmatan kerja sosial kepada keluarga dan individu yang rentan dan memerlukan.

Semua maklumat di dalam risalah ini adalah tepat pada Disember 2015.

BAGAIMANA UNTUK PERGI KE PEJABAT PESURUHJAYA DAN PEJABAT TRIBUNAL



Alamat:

Family Link @ Lengkok Bahru

8 Lengkok Bahru, #02-01, Singapura 159052

Perkhidmatan Bas:

139 (Lengkok Bahru)

14, 123, 139, 147, 153, 196, 197, 198, 855, 961
(Jalan Bukit Merah)

MRT yang terdekat: **Stesen Redhill**

Waktu Operasi:

Isnin hingga Jumaat: 8.30 pagi hingga 5 petang
Sabtu, Ahad dan Cuti Umum: Ditutup

Maklumat Untuk Menghubungi:

Pejabat Pesuruhjaya

Talian Pertanyaan: 1800-222 0000 atau 6471 6313

Emel: msf-enquiry_cmp@msf.gov.sg

Pejabat Tribunal

Talian Pertanyaan: 1800-258 5128 atau 6476 3285

Emel: msf_tmp@msf.gov.sg



PENYARAAN IBU BAPA

Pesuruhjaya Sara Ibu Bapa
Tribunal Sara Ibu Bapa

www.maintenanceofparents.gov.sg

Perdamaian oleh Pesuruhjaya Sara Ibu Bapa (CMP)

Permohonan bagi mendapatkan Perintah Nafkah di Tribunal untuk Sara Ibu Bapa

PERMULAAN

Cuba dapatkan perdamaian di CMP

- CMP merupakan platform bukan undang-undang untuk membantu anda dan anak-anak anda menyelesaikan isu penyaraan hidup melalui perdamaian.
- **Anda mesti menghadiri diri untuk temu janji pengambilan dengan CMP.**
- Tiada bayaran yang dikenakan.


Berjaya



Memorandum Perjanjian (MOA) secara persendirian:

Anda dan anak-anak anda harus menandatangani MOA dan mematuhi terma-termanya.

Jika tidak berjaya



Memohon Perintah Sara Ibu Bapa di Tribunal

- **Anda perlu memohon sendiri di pejabat Tribunal.**
- Jika anda tidak dapat melakukannya atas sebab yang munasabah, anda boleh memberikan kuasa kepada seseorang untuk memohon bagi pihak anda.
- Tiada bayaran yang dikenakan.

Apa yang perlu dibawa:

1. Kad Pengenalan
2. Akaun bank
3. Maklumat mengenai aset dan simpanan anda
4. Maklumat mengenai perbelanjaan sara hidup anda
5. Laporan perubatan, jika berkenaan
6. Nama, nombor Kad Pengenalan dan alamat terakhir yang diketahui anak-anak anda
7. Jika seseorang memohon bagi pihak anda, beliau juga perlu membawa Kad Pengenalannya berserta surat kebenaran anda.



Jika pengantaraan tidak berjaya

1. Notis Permohonan 2. Notis Pengantaraan

- Notis Permohonan dan Pengantaraan akan dikeluarkan kepada anda dan anak-anak anda dalam masa 7 hari bekerja dari tarikh permohonan anda.
- Anak-anak anda akan diberikan 14 hari dari tarikh Notis Permohonan untuk memberikan respon kepada permohonan anda.
- Anda dan anak-anak anda juga akan dikehendaki menghadiri diri di pengantaraan yang dijadualkan.

Berjaya

Memorandum Perjanjian (MOA) untuk ditandatangani sebagai Perintah Nafkah:

- Anda dan anak-anak anda akan menandatangani MOA.
- Permohonan anda akan dihadapkan ke Tribunal untuk Sebutan bagi mengesahkan MOA sebagai Perintah Nafkah.
- Anda tidak perlu menghadiri diri di Sebutan kes.

3. Notis Perbicaraan

- Notis Perbicaraan akan dikeluarkan sekurang-kurangnya 2 minggu sebelum Perbicaraan.
- Anda dan anak-anak anda dikehendaki menghadiri diri di Perbicaraan tersebut.

Perbicaraan oleh Tribunal

- Satu korum seramai 3 orang anggota Tribunal akan mendengar permohonan anda dan membuat satu perintah setelah menimbangkan keupayaan dan keadaan anda dan anak-anak anda.



Perintah Nafkah dibuat